

dahulu. Sebab itulah wahai saudara-saudara *Ikhwān al-Muslimīn*! Bekerjalah kita untuk menghapuskan penajahan agama itu sehingga terdiri di dalam negeri kita ini Kementerian Agama yang khusus menjalankan usaha-usahanya dalam perkembangan agama dan pelajarannya – tidak menjadikan pelajaran agama itu suatu sambil-sambilan juga. Berjihadlah saudara – Jihad saudara adalah dituntut!

* * *

Sudah Lewat?

Menurut berita yang disiarkan baharu-baharu ini memberitakan bahawa Parti Nasional Indonesia (P. N. I) telah menyatakan bahawa mereka mengkehendaki adanya kerjasama yang rapat di antaranya dengan Masyumi dan *Nahdatu al-'Ulama'* untuk menghadapi perkembangan-perkembangan yang ada terutamanya atas kemenangan Komunis di seluruh Pulau Jawa, dan dengan kerjasama inilah dapat dijauhkan Indonesia daripada bahaya Komunis.

Pada masa-masa yang lampau, *Nahdatul 'Ulama'* dan P. N. I. memandang bahawa Masyumi adalah penghalang kemajuan dan perkembangan-perkembangan di Indonesia dan kerana itulah mereka mendampingkan dirinya untuk bekerjasama dengan Komunis lalu meninggalkan Masyumi. Perbuatan kedua-duanya bersahabat dengan Komunis itu adalah umpama orang bersahabat dengan ular – apabila ia berkuasa, ia akan menelan rakannya sendiri!

Sekarang kerana perbuatan-perbuatan itu, P. N. I. yang tadinya memandang pertubuhannya sebuah pertubuhan yang kuat, telah melihat bahawa dengan perbuatannya itu mereka sangkari sedang menjadi lemah dan akhirnya baharulah mengentepi bahawa perbuatan-perbuatannya bersahabat dengan Rusia dan kerajaan Komunis China itu dengan sendirinya telah menjadi sebab yang besar atas kejayaan Komunis di Indonesia.

Masyumi pada masa itu memandang tidak ada faedah yang

di dapat meletakkan duta-dutanya di Rusia dan China! Masyumi masa itu memberi pandangan bahawa meletakkan kedutaan-kedutaan Komunis di Indonesia ertinya tidak lain daripada menguatkan kedudukan Komunis sahaja sehingga akhirnya Presiden sendiri termasuk orang-orang yang pro-Komunis yang lebih mengutamakan Komunis daripada parti-parti Islam seperti Masyumi bahkan Presiden sendiri memandang Masyumi itu sebagai penghalang cita-citanya untuk berleluasa mengikut kemahuan nafsunya berkuasa di Indonesia.

Adakah kerjasama Masyumi yang dikehendaki mereka dapat menolong Indonesia daripada bahaya Komunis yang telah bertapak itu? Soalnya adalah jika P. N. I. mahu – berkorban iaitu memberi pengorbanan mendudukkan Dr Hatta sebagai Perdana Menteri dengan mengambil orang-orang yang disingkirkan oleh Presiden seperti Hamengku Buwono, Mohammad Natsir dan Syahrir serta seumpamanya; orang-orang yang jujur, memegang kementerian-kementerian dengan Presiden patuh kepada tadbir-tadbir mereka – berkata-kata mesti lebih dahulu diketahui oleh mereka – tidak boleh membuat sembahuna sahaja – dan menjadikan P. N. I. sebagai jambatan untuk Presiden berbuat sesukanya.

Mudah-mudahan keinsafan ini belum lewat masanya untuk memperbaiki kedudukan Indonesia pada masa yang akan datang. Janganlah hendaknya Masyumi terus menerus memberi pengorbanan tetapi orang lain tentunya wajib berkorban! Jauhkanlah diri dari orang-orang yang sesat-sesat. Mencari kedudukan kerana maslahat diri di dalam menghadapi musuh bersama iaitu Komunis. Orang-orang Islam di Indonesia mesti ingat bahawa jika Komunis berkuasa sudah tentu mereka akan dipotong seperti ulama-ulama Indonesia dipotong dan disembelih di Madiun dahulu. Beringat adalah lebih baik sebelum terjadi peristiwa Madiun yang kedua.